



\*Nota :

TINDAKAN SELESAI

STATUS DLM AGENDA MKSP ISO ISMS & EMS 2018 (Bil. 10,14,22,23,26)

DLM PROSES TINDAKAN (Bil. 15,17)

LAPORAN STATUS TINDAKAN SUSULAN

MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM TAHUN 2017 (ISMS ISO/IEC 27001 KALI KEENAM DAN EMS ISO 14001 KALI KEEMPAT) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
7.5.1.2 - Penemuan Audit ISMS				
(a) Laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM				
1.	7.5.1.2(a)(vi)	mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016 dan akan disemak semula pelaksanaan dan keberkesanan tindakan semasa Audit Badan Pensijilan tahun 2017.	PAD, UPM & Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, COA, UPM	<u>Maklum balas :</u> Audit ISMS oleh Badan Pensijilan SIRIM Tahun 2017 telah dijalankan pada 2-3 Oktober 2017 (Kampus Serdang) dan 6 September 2017 (Kampus Bintulu) dengan hasil penemuan audit, NCR : 0 & OFI : 8. Pemantauan keberkesanan tindakan menerusi platform Mesyuarat JK Kualiti dengan yang terkini pada Mesyuarat JK Kualiti Kali ke-40 pada 10 Julai 2018.
(b) Audit Dalaman ISMS 2017				
2.	7.5.1.2(b)ix.1	mengambil perhatian tiga (3) kelemahan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM, iaitu: perubahan pada maklumat terdokumen berikutan peluasan skop masih belum dilaksanakan dengan sepenuhnya;	Wakil Pengurusan & TWP ISMS	<u>Maklum balas :</u> Maklumat terdokumen telah dikemaskini mengambilkira aktiviti perluasan entiti ke UPM Kampus Bintulu bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan juga aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran prasiswazah di fakulti sepertimana paparan dokumen dalam Portal eISO UPM.

3.	7.5.1.2(b)ix.2	tahap kefahaman tentang Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dalam kalangan staf UPM Kampus Bintulu adalah pada tahap yang rendah;	Wakil Pengurusan & TWP ISMS	<p><u>Maklum balas :</u>  Taklimat Kesedaran pelaksanaan ISMS telah dilaksanakan sepertimana berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Taklimat Kesedaran dan Perluasan Skop Penilaian Pengajaran Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 pada 8 Mac 2018 kepada semua entiti yang terlibat termasuk UPM Kampus Bintulu.</li> <li>2. Sesi semakan semula pelaksanaan ISMS di UPM Kampus Bintulu bersama Timbalan Wakil Pengurusan ISMS pada 7 Jun 2018.</li> </ol> <p><u>TWP UPMKB :</u>  Latihan telah dilaksanakan meliputi program kesedaran semua staf, latihan pemahaman prosedur, latihan teknikal pelaksanaan dan latihan auditor. Sebanyak 6 program latihan ISMS telah dilaksanakan untuk staf di UPMKB sepanjang Mac 2017- Mei 2018.</p>
4.	7.5.1.2(b)ix.3	pembahagian tugas dan tanggungjawab masih perlu diperincikan mengikut portfolio yang betul di UPM Kampus Bintulu.	Ketua PTJ dan TWP Kampus Bintulu	<p><u>Maklum balas :</u>  Pembahagian tugas telah ditambah baik bersesuaian dengan penstrukturan semula UPMKB.</p>
7.5.1.3 - Penemuan Audit EMS				
(a) Laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 2 oleh SIRIM				
5.	7.5.1.3.(a) vii.	mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016 dan meminta supaya penemuan OFI yang ditemui perlu juga diambil tindakan oleh semua PTJ (sama ada PTJ yang menjadi sampel audit atau tidak) supaya penemuan yang sama tidak berulang di lokasi/PTJ lain semasa audit badan pensijilan akan datang.	PAD, UPM & Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, CQA, UPM	<p><u>Maklum balas :</u>  Audit EMS oleh Badan Pensijilan SIRIM Tahun 2017 telah dijalankan pada 9-11 Oktober 2017 dengan hasil penemuan audit, NCR : 0 &amp; OFI : 5. Pemantauan keberkesanan tindakan menerusi platform Mesyuarat JK Kualiti dengan yang terkini pada Mesyuarat JK Kualiti Kali ke-40 pada 10 Julai 2018.</p>

7.5.1.3 (b) – Audit Dalam EMS 2017				
6.	7.5.1.3(b)x.1	mengambil perhatian terhadap tiga (3) kelemahan yang dilaporkan, iaitu: pelaksanaan kawalan operasi berdasarkan prosedur yang dibangunkan di peringkat Fakulti bagi pematuhan EMS dan undang-undang berkaitan masih lemah dan perlu dipantau dari masa ke semasa;	Semua Ketua PTJ dan TWP di bawah skop EMS	<p><u>Maklum balas :</u> <u>COA :</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. status penilaian kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) tahun 2016 dan 2017 berdasarkan undang-undang dan keperluan lain yang terpakai mengikut Peneraju Operasi;</li> <li>2. penilaian kepatuhan EMS tahun 2016 dan 2017 tidak merangkumi keseluruhan Senarai Undang-Undang dan keperluan lain yang terpakai di UPM;</li> <li>3. senarai terkini 22 Undang-undang dan keperluan lain yang terpakai di UPM diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan BIL. 1/2018;</li> <li>4. penilaian kepatuhan yang menyeluruh berdasarkan undang-undang dan keperluan lain yang terpakai di UPM akan dilaksanakan mengikut fasa bagi tempoh 3 tahun (2018 – 2020) berikutan kekangan sumber (sumber manusia, kewangan dan infrastruktur) untuk melaksanakan penilaian di peringkat Peneraju dan Urus Setia JKPK.</li> </ol>
7.	7.5.1.3(b)x.2	kurang kesedaran terhadap pelaksanaan dan pematuhan standard EMS di kalangan staf;	Semua Ketua PTJ dan TWP di bawah skop EMS	<p><u>Maklum balas :</u> <u>COA :</u></p> <p>Telah menjalankan sesi Taklimat 'Awareness' EMS ISO 14001:2015 bagi</p>

				memberikan kesedaran terhadap pelaksanaan EMS ISO 14001:2015 kepada pekerja UPM pada 11, 12 & 20 April 2018 serta perancangan sesi taklimat pemahaman EMS ISO 14001:2015 bagi tujuan pemantapan kefahaman para pekerja UPM pada 29 Ogos 2018.
8.	7.5.1.3(b)x.3	kurang komitmen daripada beberapa PTJ di dalam pelaksanaan Audit Dalaman yang telah dijalankan.	Semua Ketua PTJ dan TWP di bawah skop EMS	<u>Maklum balas :</u> <u>COA :</u> Pemakluman dan hebahan berhubung pelaksanaan Audit Dalaman UPM dikomunikasikan oleh PAD, UPM kepada pekerja UPM menerusi emel kepada TWP PP/PTJ, hebahan Buletin Putra dan <a href="mailto:info@upm.edu.my">info@upm.edu.my</a> sebelum berlangsungnya setiap sesi Audit Dalaman UPM.
9.	7.5.1.3(b)(xiii)	mengambil perhatian maklum balas bagi tindakan ke atas penemuan audit (NCR dan OFI) perlu dilengkapkan oleh TWP atau TPAD melalui Portal Jaminan Kualiti (Portal COA) secara online di bawah pautan Audit Dalaman.	PAD, UPM & Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, COA, UPM	<u>Maklum balas :</u> Pemantauan pelaksanaan tindakan dan keberkesanan tindakan menerusi Portal COA dan dilaporkan di peringkat Mesyuarat JK Kualiti dengan yang terkini pada Mesyuarat JK Kualiti Kali ke-40 pada 10 Julai 2018.
<b>7.5.2 - PRESTASI PROSES, KEBERKESANAN DAN KEPATUHAN PERKHIDMATAN</b>				
<b>7.5.2.2 - Pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat</b>				
10.	7.5.2.2(d)	mengambil perhatian terhadap perubahan Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat tahun 2017 yang mula dipantau dan diukur keberkesanannya bermula pada 26 Mei 2017 bagi memastikan ianya sesuai, mencukupi dan dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.	Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/ Peneraju ISMS	<u>Maklum balas :</u> Status terkini dilaporkan pada <b>Agenda 6.2.1, MKSP ISO 2018 (ISMS &amp; EMS)</b> .

7.5.2.3 Pelaksanaan Kawalan di Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat													
11.	7.5.2.3(c)	mesyuarat mengambil perhatian terhadap tindakan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh peneraju ISMS dalam menyediakan perlindungan dan kawalan tahap risiko bagi memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM adalah sepertimana di Lampiran 14 : Status Keberkesanan Tindakan Terhadap Pelan Pemulihan Risiko.	Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/Peneraju ISMS berkenaan	[Rujuk : Lampiran 14] <u>Maklum balas :</u> Status terkini sebagaimana pada <u>Lampiran 14.</u>									
7.5.2.4 - Pencapaian dan Sasaran Alam Sekitar													
12.	7.5.2.4(b)	mengambil maklum laporan semakan pencapaian Objektif EMS telah dibuat semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM kali ke-31 yang telah diadakan pada 17 Februari 2017 sebagaimana Lampiran 15. Mesyuarat mengambil perhatian tindakan pembedahan telah dikenalpasti oleh Peneraju Proses bagi objektif yang tidak mencapai sasaran.	Penyelaras EMS, UPM (Rujuk Minit JK Kualiti ke-31 pada 17 Februari 2017)	<p>[Rujuk : Lampiran 15] Pencapaian Objektif EMS UPM tahun 2016 sebagaimana berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Status Pencapaian</th> <th>Bilangan Objektif/ Sub-objektif yang diukur</th> <th>(%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Mencapai Sasaran</td> <td>7</td> <td>78%</td> </tr> <tr> <td>*Tidak mencapai sasaran</td> <td>2</td> <td>22%</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Nota : *Penjimatan tenaga elektrik.</p> <p>*Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik (Pengukuran berdasarkan Senarai Semak Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Skop Pematuhan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.</p>	Status Pencapaian	Bilangan Objektif/ Sub-objektif yang diukur	(%)	Mencapai Sasaran	7	78%	*Tidak mencapai sasaran	2	22%
Status Pencapaian	Bilangan Objektif/ Sub-objektif yang diukur	(%)											
Mencapai Sasaran	7	78%											
*Tidak mencapai sasaran	2	22%											

13.	7.5.2.4(f)	mengambil perhatian mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-35 telah bersetuju perubahan Objektif EMS UPM yang akan dipantau dan diukur bagi tempoh Julai hingga Disember 2017 sebagaimana Lampiran 16.	Penyelaras EMS, UPM (Rujuk Minit JK Kualiti ke-35)	[Rujuk : Lampiran 16] <u>Maklum balas :</u> Objektif Tahun 2017 1. Penjimatan penggunaan kertas; 2. Penjimatan tenaga elektrik; 3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel; 4. Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan
7.5.2.5 - Penilaian Kepatuhan Pengurusan Alam Sekitar dengan Keperluan Perundangan dan Keperluan Lain				
14.	7.5.2.5(c)	mengambil perhatian bagi tahun penilaian 2016, Universiti telah berjaya mematuhi keperluan undang-undang berkaitan pengendalian bahan beracun, radioaktif dan radas sinaran, rumah sembelihan (Abattoir), dan Terrestrial Animal Health Code. Manakala, Universiti tidak berjaya mematuhi keperluan perundangan yang berkaitan pengurusan bahan kimia dan sisa terjadual. Mesyuarat meminta Peneraju EMS melaksanakan tindakan pembedahan yang telah dikenalpasti bagi dua (2) skop yang tidak mematuhi keperluan perundangan ini.	Pengaruh Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<u>Maklum balas :</u> Dilaporkan status terkini berhubung penilaian kepatuhan pengurusan alam sekitar dengan keperluan perundangan dan keperluan lain pada <b>MKSP ISO ISMS &amp; EMS 2018, Agenda 6.2.4.</b>
15.	7.5.2.5(d)	mengambil perhatian keperluan peruntukan kewangan bagi pematuhan perundangan dalam pelaksanaan EMS di UPM pada tahun 2018 dianggarkan sebanyak RM2,663,300.00 yang merangkumi perkara berikut: i. lukisan kejuruteraan bagi kebuk wasap dan pemberitahuan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS)/DOE mengenai pemasangan cerobong/serombong; ii. orang yang Kompeten bagi pematuhan perundangan di bawah skop Alam Sekitar; iii. lesen mencemar (boiler/Incinerator) dan pemantauan pencemaran berkala.	Bursar dan TWP Pejabat Bursar	<u>Maklum balas :</u> Untuk aktiviti kebuk wasap dan pemberitahuan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS)/DOE mengenai pemasangan cerobong/serombong, pilot projek sedang dalam proses di INTROP untuk 3 unit kebuk wasap sedia ada dan 1 unit kebuk wasap yang dipasang baharu dengan anggaran kos seunit : RM5900 – bagi penyediaan dokumen DOE (drawing, ujian) RM2300 – ubahsuai kebuk wasap mengikut keperluan peraturan (alam sekitar (udara bersih) 2014 RM750 – LEV test Menjadikan kos seunit kebuk wasap

				RM8200 (one off) dan RM750 (setahun).  Berdasarkan data yang ada, UPM mempunyai 453 kebuk wasap dan tindakan lanjut akan diambil selepas pilot projek di INTROP berjaya disempurnakan.
<b>7.6.3 - Maklum Balas Pemegang Taruh ISMS</b>				
16.	7.6.3(d)i.	mengambil perhatian terhadap cadangan pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2017 adalah seperti di Lampiran 23. Soal selidik ini dilaksanakan secara dua (2) kategori seperti berikut: Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu); dan	Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/ Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah/ Peneraju Pusat Data	[Rujuk : Lampiran 23] <u>Maklum balas :</u> Pelaksanaan semasa hari pendaftaran Pelajar Baharu bermula pada 31 Ogos 2016 sehingga 4 September 2016. Responden adalah terdiri daripada Pelajar Baharu yang dikehendaki menjawab soal selidik tersebut secara atas talian selepas selesai menyempurnakan pendaftaran.
17.	7.6.3(d)ii.	Soal selidik kepada PTJ yang menerima perkhidmatan Pusat Data di UPM oleh Peneraju Pusat Data.		<u>Maklum balas :</u> Soal selidik telah dilaksanakan pada September 2017 secara online. Hanya 4 PTJ yang memberi maklum balas. <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan</li> <li>2. Fakulti Perhutanan</li> <li>3. Pusat Asasi Sains Pertanian</li> <li>4. Fakulti Bahasa Moden &amp; Komunikasi</li> </ol> Cadangan soal selidik 2018 akan dijalankan pada <b>September 2018</b> . <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penambahbaikan soalan soal selidik</li> <li>- Kenalpasti responden yang sesuai</li> <li>- Pemantauan maklumbalas terhadap kajian soal selidik.</li> </ul>

7.7.2 Penilaian Risiko Pengurusan Maklumat				
18.	7.7.2(c)	<p>mengambil perhatian terhadap bilangan aset dengan tahap risiko sederhana dan punca dominan yang dikenalpasti seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. proses muatnaik data tawaran pelajar UPU Bahagian Kemasukan Akademik dengan punca dominan yang dikenalpasti adalah kebarangkalian data digodam dan data dimanupulasi;</li> <li>ii. proses pembayaran yuran pelajar baharu prasiswazah dengan punca dominan adalah masih terdapat pengendalian yuran secara tunai;</li> <li>iii. proses sistem sokongan (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan) dan Sistem Pangkalan Data dengan punca dominan disebabkan Bangunan lama berusia melebihi 50 tahun dan kedudukan Pusat Data di aras G serta peralatan sokongan berusia melebihi 5 tahun (rangkaiannya, keselamatan, server dan DB);</li> <li>iv. sistem aplikasi kewangan dengan punca dominan penyelenggaraan server kewangan dibuat secara dalaman sahaja dimana perolehan alat ganti tidak dapat dilaksanakan segera.</li> </ul>	Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/ Peneraju ISMS	<p><u>Maklum balas :</u> Berdasarkan risiko dan punca dominan yang dikenalpasti, tindakan telah dilaksanakan sebagaimana Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat 2017. Status keberkesanan tindakan sebagaimana pada <u>Lampiran 14</u>.</p>
7.8 - KAWALAN KETAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN				
7.8.1 - Status Kawalan Ketakakuran				
19.	7.8.1(c)	mengambil perhatian laporan status kawalan ketakakuran bagi ISMS berkaitan pendaftaran pelajar baharu yang masih dalam proses tindakan.	Peneraju ISMS – Bahagian Hal Ehwal pelajar	[Rujuk : Lampiran 27] <u>Maklum balas:</u> Tindakan telah dilaksanakan.
7.8.2 - Status Tindakan Pembetulan				
20.	7.8.2(c)ii.	tindakan pembetulan EMS yang masih dalam proses tindakan berkaitan Pengukuran objektif Penjimatan Elektrik tahun 2016;	Peneraju Objektif (Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset)	<u>Maklum balas:</u> Tindakan menurunkan sasaran kepada 6% bagi Objektif Penjimatan Elektrik Tahun 2017 dan telah mencapai sasaran dengan pencapaian pada 11.9%.
21.	7.8.2(c)iii.	tindakan pembetulan EMS yang masih dalam proses tindakan berkaitan Pengukuran objektif Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik tahun 2016.	Peneraju Objektif (Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)	<u>Maklum balas:</u> Perubahan Objektif EMS pada Tahun 2017.



7.9 - TINDAKAN PENCEGAHAN				
22.	7.9(d)i.	mengambil perhatian status tindakan pencegahan EMS yang direkodkan adalah sebanyak dua (2) laporan dan yang masih dalam proses tindakan bagi bagi mengelakkan ketakakuran berlaku pada masa akan datang, iaitu:  pengurusan sisa terjadual (kimia/klinikal/e-waste) berpotensi tidak mematuhi perundangan berkaitan;	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (PPKKP)	<u>Maklum balas :</u> Dilaporkan status terkini berhubung pencapaian objektif dan sasaran alam sekitar penilaian kepatuhan pengurusan alam sekitar dengan keperluan perundangan dan keperluan lain pada MKSP ISO ISMS & EMS 2018, Agenda 6.2.3 dan Agenda 6.2.4.
23.	7.9(d)ii.	kemudahan yang mencemarkan udara (kebuk wasap yang mempunyai cerobong/serombong) berpotensi tidak mencapai sasaran bagi Objektif EMS dan tidak patuh kepada keperluan perundangan.		<u>Maklum balas :</u> Dilaporkan status terkini berhubung pencapaian objektif dan sasaran alam sekitar serta penilaian kepatuhan pengurusan alam sekitar dengan keperluan perundangan dan keperluan lain pada MKSP ISO ISMS & EMS 2018, Agenda 6.2.3 dan Agenda 6.2.4.
7.10.3 - Perubahan yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Keselamatan Maklumat				
24.	7.10.3(c)i	mengambil perhatian terhadap 2 perubahan yang sedang dilaksanakan yang perlu dipantau pelaksanaannya semasa kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 sepertimana berikut: memperluaskan entiti skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah melibatkan UPM Kampus Bintulu; dan	Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)	<u>Maklum balas :</u> Perluasan entiti ISMS bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah ke UPM Kampus Bintulu telah dilaksanakan dan diperakukan oleh pihak Juruaudit SIRIM semasa Audit Pemantauan Semakan ISMS 2 tahun 2017.
25.	7.10.3(c)ii	melaksanakan pra pendaftaran pelajar baharu melalui aplikasi atas talian eDaftar.		<u>Maklum balas :</u> Pra pendaftaran pelajar baharu prasiswazah melalui aplikasi eDaftar telah dilaksanakan bermula Sesi Kemasukan 2017/2018.
7.10.5 Penilaian Aspek Impak yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Alam Sekitar				
26.	7.10.5(e)	mengambil perhatian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS UPM Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 perlu dirujuk oleh PTJ dalam melaksanakan EMS. Perincian	Semua Ketua PTJ & TWP di bawah skop EMS	<u>Maklum balas :</u> <u>CQA :</u> Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS

		Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM Edisi 3.0 boleh dirujuk dalam portal Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) UPM di bawah pautan Dokumentasi EMS ISO 14001.		UPM Edisi 3.0 berhubung pengurusan risiko pengurusan alam sekitar dilaporkan pada MKSP ISO ISMS & EMS 2018, Agenda 8.2.
7.11 - PELUANG PENAMBAHBAIKAN				
27.	7.11(c)	<p>mengambil perhatian terhadap cadangan tarikh pelaksanaan tindakan bagi peluang penambahbaikan yang perlu dipantau oleh peneraju QMS dan ISMS yang terlibat.</p> <p>Menaiktaraf Sistem Pencahayaan di Pusat Data Utama (IDEC Beta).</p> <p>Peneraju ISMS bagi Pengurusan Pusat Data – IDEC Merancang untuk melaksanakan naiktaraf Sistem Pencahayaan Pusat Data pada tahun 2018.</p>	Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS/ Peneraju Pusat Data	<p><u>Maklum balas :</u></p> <p>Telah siap dilaksanakan pada 15 Dis 2017 dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) menggantikan lampu Fluorescent kepada LED bagi keseluruhan Beta;</li> <li>2) Menyusun dan mengemaskini semula aturan LED di dalam Pusat Data mengikut rack server; dan</li> <li>3) Pemasangan 2 lampu limpah di luar Bangunan Beta bagi tujuan keselamatan.</li> </ol>



LAMPIRAN

## STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN TERHADAP PELAN PEMULIHAN RISIKO KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2017

Bil	Perkara	Tindakan kawalan	Tahap risiko		Pelan pemulihan risiko	Kebekesanan Tindakan & Status
			Sebelum	Selepas		
1.	Proses Memuatnaik Data Tawaran Pelajar UPU.	Mewujudkan kawalan tambahan bagi mengelakkan maklumat daripada diakses oleh pihak yang tidak bertanggungjawab terutama sewaktu proses pemindahan data ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP).	Medium	Medium	Mewujudkan satu folder yang mengandungi kata laluan bagi menyimpan dan menyerahkan data Jaya UPU kepada pihak iDEC untuk proses muat naik ke dalam Sistem Maklumat Pelajar.  Menggunakan kaedah Virtual Private Network (VPN) atau menggunakan bilik console untuk proses muatnaik data tawaran UPU.	
2.	Masih terdapat pengendalian yuran secara tunai.	Mengambil insuran bagi cash in transit dan pegawai yang membawa tunai.	High	Medium	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian  80% (UPM Serdang)  60% (UPM Bintulu)	
3.	Bangunan lama berusia melebihi 50 tahun dan kedudukan Pusat Data di aras G.	(a) Melaksanakan pemeriksaan bangunan selamat diduduki oleh Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA).  (b) Memastikan persekitaran bangunan tersebut tidak berisiko untuk mengalami banjir dengan melaksanakan mitigasi (mitigation) mengelak banjir di kawasan persekitaran	Medium	Medium	Pusat Data akan beroperasi di lokasi sediaada (Bangunan iDEC BETA) dengan melaksanakan kawalan:  <ul style="list-style-type: none"> <li>pemeriksaan bangunan selamat diduduki telah dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 18 Ogos 2016.</li> </ul>	Pemeriksaan Keselamatan Bangunan oleh JKPP PTJ dilaksanakan 3 bulan sekali.  Tiada insiden Pusat Data

		Pusat Data oleh pihak PPPA.			<ul style="list-style-type: none"> <li>• mitigasi (mitigation) untuk mengelak banjir di kawasan persekitaran Pusat Data telah dilaksanakan oleh pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset dan laporan telah dikeluarkan pada Ogos 2016.</li> </ul>	yang diakibatkan banjir.
4.	Peralatan sokongan berusia melebihi 5 tahun dijangka akan memberi kesan/ancaman terhadap operasi dan proses pusat data (rangkaian, keselamatan, server dan DB).	<p>(a) Meningkatkan kekerapan penyelenggaraan aset.</p> <p>(b) Meningkatkan pemantauan terhadap server dan peralatan rangkaian.</p> <p>(c) Latihan/ kursus berkaitan pengurusan Pusat Data (server, rangkaian dan pangkalan data).</p>	Medium	Medium	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Server: Pembangunan Putra Cloud sebagai infrastruktur server bersepadu aplikasi UPM Fasa 1 – 2017.</li> <li>• Pelaksanaan proses penyelenggaraan 4 kali setahun.</li> <li>• Pelaksanaan simulasi Pelan Pemulihan Bencana (DRP ICT).</li> <li>• Latihan dan kursus berkaitan kepada pegawai terlibat dengan Pusat Data.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Putra Cloud Fasa 1 dalam proses pelaksanaan dengan status 80% siap.</li> <li>• Meminimumkan 'down time' dan kerosakan peralatan.</li> <li>• Meningkatkan tahap kesiapsiagaan (Aplikasi, Peralatan, dan Pegawai).</li> <li>• Pegawai telah menjalani latihan dan kursus seperti berikut. <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Dell SC Storage Center Administration and Management Training – Malaysia (3 – 6 Julai 2018, Cyberjaya)</li> <li>b. Dell Open Manage</li> </ul> </li> </ul>

						<p>Essentials Administration – Malaysia (26-27 Julai 2018, Pusat Pemulihan Bencana UPM)</p> <p>c. VMware vSphere: Install, Configure, Manage (13 – 17 Ogos 2018, Iverson Training Centre).</p>
5.	<p>Penyelenggaraan server kewangan dibuat secara dalaman sahaja dimana perolehan alat ganti tidak dapat dilaksanakan segera.</p>	<p>(a) Meningkatkan kekerapan penyelenggaraan aset.</p> <p>(b) Meningkatkan pemantauan terhadap server terlibat.</p>	Medium	Medium	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan proses penyelenggaraan 4 kali setahun.</li> <li>• Pelaksanaan simulasi Pelan Pemulihan Bencana (DRP ICT) 2 kali setahun.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meminimumkan 'down time' dan kerosakan peralatan.</li> <li>• Meningkatkan tahap kesiapsiagaan (Aplikasi, Peralatan, dan Pegawai).</li> </ul>

## LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF EMS MS ISO 14001 TAHUN 2016

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian Tahun 2016		Tindakan Pembetulan yang perlu dilaksanakan sekiranya tidak mencapai sasaran	Keberkesanan Tindakan dan Status
					Jan-Jun	Jan-Dis		
1.	Penjimatan penggunaan kertas	Pejabat Bursar	100% (Berdasarkan penggunaan tahun sebelumnya)	2%	-7%	8%	-	
2.	Penjimatan tenaga elektrik	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	100% (Berdasarkan bacaan meter tahun 2013)	10%	4.92%	5.92%	<p><u>Punca:</u> Penjimatan adalah untuk keseluruhan kampus. Aktiviti penjimatan masih pada "no cost" dan hanya sedikit "low cost" menjadikan sasaran agak sukar dicapai.</p> <p><u>Tindakan Pembetulan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>PPPA akan mengkaji semula sasaran bagi penjimatan elektrik. PPPA mengesyorkan agar sasaran diturunkan kepada 6%.</li> <li>Program EPC di 3 PTJ besar iaitu Fakulti Perubatan, Fakulti Kejuruteraan dan IBS dijangka dapat memberi penjimatan yang tinggi kepada UPM.</li> </ol>	<p>Status Tindakan : Berkesan dengan peratusan sasaran bagi objektif diturunkan kepada 6% untuk tahun 2017 dan tercapai pada pencapaian yang direkodkan bagi tahun berkenaan.</p>

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian Tahun 2016		Tindakan Pembetulan yang perlu dilaksanakan sekiranya tidak mencapai sasaran	Keberkesanan Tindakan dan Status
					Jan-Jun	Jan-Dis		
3.	Memantau pelepasan asap bas bahan bakar diesel	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	100% (Berdasarkan pemeriksaan kenderaan (bas) secara berkala oleh PUSPAKOM)	100%	100%	100%	-	
4.	Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik (Pengukuran berdasarkan Senarai Semak Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Skop Pematuhan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>100% ( rekod stok inventori bahan kimia disediakan dan stok dikemaskini setiap 6 bulan sekali)</li> </ul>	100%	50%	70%	<p><u>Punca Tidak Patuh:</u> Pengisian inventori secara manual dan pembelian tidak terkawal</p> <p><u>Tindakan Pembetulan:</u> Membangunkan sistem inventori atas talian secara berpusat bagi memudahkan perekodan dan kawalan (pembelian, pendaftaran dan pengemaskinian)</p>	
			<ul style="list-style-type: none"> <li>100% bahan kimia disimpan mengikut peraturan (dari segi pengasingan dan pelabelan di makmal)</li> </ul>	100%	100%	100%		



Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian Tahun 2016		Tindakan Pembetulan yang perlu dilaksanakan sekiranya tidak mencapai sasaran	Keberkesanan Tindakan dan Status
					Jan-Jun	Jan-Dis		
5.	Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan (Pengkukuran berdasarkan laporan audit oleh LPTA/KKM semasa proses pembaharuan lesen/adhoc audit) - Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Denda sifar bagi Program Pelindungan Sinaran (berdasarkan lesen masing-masing – UPM(PPKKP), PKU, UVH, PPDN.	100%	100%	100%	-	
6.	Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan - Akta Racun 1952	Taman Pertanian Universiti	• 100% inventori bahan beracun dikawal selia	100%	100%	100%	-	
			• 100% bahan beracun disimpan mengikut peraturan	100%	99%	100%	-	
7.	Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan (Pengkukuran berdasarkan permohonan pelupusan sisa dari PTJ dan laporan pelupusan sisa dari kontraktor yang dilantik) - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	100% melaksanakan proses pelupusan sisa buangan terjadual tidak melebihi 180hari/20 tan metrik penyimpanan sisa	100%	100%	100%	-	

## OBJEKTIF SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) MS ISO 14001 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TAHUN 2017

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian / Keberkesanan Tindakan dan Status
1.	Penjimatan penggunaan kertas	Pejabat Bursar	100% (Berdasarkan penggunaan tahun sebelumnya)	2%	3%
2.	Penjimatan tenaga elektrik	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	100% (Berdasarkan bacaan meter tahun 2013)	6%	11.9%
3.	Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	100% (Berdasarkan pemeriksaan kenderaan (bas) secara berkala oleh PUSPAKOM)	100%	88.2% Punca tidak Capai: 2 buah bas di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan daripada keseluruhan 17 buah bas bahan bakar diesel di UPM tidak membuat pemeriksaan di PUSPAKOM kerana mengalami kerosakan yang teruk dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi  Cadangan Tindakan pembedulan: Membuat semakan ke atas kenderaan sama ada ekonomi dibaiki atau perlukan pelupusan

4.	Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan:				
	i. Incenerator	Fakulti Sains dan Pertanian Makanan (Bintulu)	100% (Patuh keperluan peraturan kualiti alam sekeliling udara bersih 2014)	100%	100%
	ii. Boiler	Fakulti Sains Teknologi dan Makanan	100% (Patuh keperluan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014)	100%	4.08% Punca tidak capai: Kekangan kewangan iaitu perolehan diesel (dalam lingkungan RM30k setahun) yang di luar kemampuan kewangan fakulti di samping kos penyelenggaraan wajib setiap 18 bulan dengan kos sekitar RM11ribu. Semasa penyelenggaraan jika ada alatan untuk dibaikpulih, gantian alat ganti mencecah belasan ribu (tahun 2017: RM30k)

					<p>Cadangan Tindakan Pembedulan: Mengemukakan kertas permohonan bajet untuk kelulusan pihak Pengurusan Universiti bagi cadangan penggunaan 'electric boiler'.</p> <p>Status terkini : Kertas Pelupusan Dandang Stim Diesel dan Permohonan Peruntukan untuk Pembelian Dandang Stim Elektrik telah dihantar ke Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset pada 22 Jun 2018 dan ianya sedang di dalam semakan pihak PPPA.</p>
	iii. Kebuk Wasap	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	100% (Patuh keperluan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014)	100%	0%



LAPORAN SOAL SELIDIK PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU  
PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PERKASA PUTRA BAGI SESI  
KEMASUKAN SEMESTER SEPTEMBER 2016/2017 DAN PERANCANGAN  
MENGADAKAN SOAL SELIDIK PIHAK YANG BERKEPENTINGAN ISMS  
TAHUN 2017 DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## 1.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mendapat maklum balas pemegang taruh (Pelajar Baharu) berkenaan pelaksanaan ISMS di UPM seperti berikut, iaitu:

- (i) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap ketepatan maklumat yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada calon;
- (ii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap kesediaan kaunter semasa hari pendaftaran pelajar baharu;
- (iii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan kawalan kerahsiaan data dan maklumat pelajar baharu semasa hari pendaftaran pelajar; dan
- (iv) Memenuhi keperluan MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Techniques (ISMS).

## 2.0 METODOLOGI PELAKSANAAN

Soalan soal selidik secara atas talian ini telah dibangunkan oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi UPM (IDEC). Kajian ini dijalankan secara atas talian dengan komputer khas yang disediakan oleh Kolej Kediaman semasa hari pendaftaran Pelajar Baharu bermula pada 31 Ogos 2016 sehingga 4 September 2016. Responden adalah terdiri daripada Pelajar Baharu yang dikehendaki menjawab soal selidik tersebut secara atas talian selepas selesai menyempurnakan pendaftaran.

Soal selidik secara atas talian ini merangkumi 2 bahagian seperti berikut, iaitu:

### Bahagian A: Maklumat Demografi Responden


- (i) Jantina; dan
- (ii) Kolej Kediaman.

### Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap Perkhidmatan atau perkara berikut:

- (i) Tahap ketepatan maklumat dalam surat tawaran universiti kepada pelajar baharu berkaitan nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat;
- (ii) Tahap kesediaan setiap kaunter yang melayan pelajar baharu semasa proses pendaftaran;


- (iii) Tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter bendahari ketika menyerahkan slip/pembayaran yuran;
- (iv) Tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter keselamatan ketika penyerahan borang permohonan kad metric;
- (v) Tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter Kolej Kediaman ketika pengambilan kunci bilik penginapan; dan
- (vi) Tahap kepercayaan pelajar baharu kepada kerahsiaan maklumat yang diserahkan kepada universiti semasa pendaftaran.


Responden diminta memberikan penarafan mata mengikut skala kepuasan terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti berikut:



## 5.0 ANALISIS RESPONDEN

Seramai 2,617 (83%) orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan berbanding 3,140 pelajar baharu yang mendaftar pada hari pendaftaran Pelajar Baharu pada 31 Ogos 2016. Data responden dipecahkan mengikut jantina dan lokasi kolej daftar iaitu di tujuh belas Kolej Kediaman (tidak termasuk Kolej Rajang, UPM Kampus Bintulu Sarawak). Analisis responden adalah seperti jadual di bawah:






### 6.0 ANALISIS HASIL KAJIAN

Tahap kepuasan pemegang taruh dianalisis berdasarkan skala kepuasan berikut, iaitu:


- (i) Skala 5 (Sangat Memuaskan)
- (ii) Skala 4 (Memuaskan)
- (iii) Skala 3 (Kurang Memuaskan)
- (v) Skala 2 (Tidak Memuaskan)
- (vi) Skala 1 (Sangat Tidak Memuaskan)

Kepuasan pemegang taruh adalah dikira berdasarkan skala kepuasan melebihi tahap memuaskan iaitu merangkumi skala 4 (Memuaskan) dan skala 5 (Sangat Memuaskan). Keputusan hasil kajian adalah seperti rajah I hingga VI seperti di bawah.


Rajah I: Tahap ketepatan maklumat dalam Surat tawaran universiti berkaitan nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat.



Rajah II: Tahap kesediaan setiap kaunter yang melayan pelajar baharu semasa proses pendaftaran




Rajah III: Tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter Bendahari ketika menyerahkan slip/pembayaran yuran.







Rajah IV: Tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter Keselamatan ketika penyerahan borang permohonan kad metrik.



Rajah V: Tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter Kolej Kediaman ketika pengambilan kunci bilik penginapan



Rajah VI: Tahap kepercayaan pelajar Baharu kepada kerahsiaan maklumat yang pelajar Baharu serahkan kepada universiti semasa pendaftaran.



## 7.0 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra pada sesi kemasukan Semester September 2016/2017 dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 96% Pelajar Baharu yang mendaftar berpuas hati (skala 4 dan skala 5) dengan semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran berdasarkan soalan 1 sehingga 6.
- (ii) Jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat memuaskan) adalah pada soalan 2 iaitu tahap kesediaan setiap kaunter yang melayan pelajar baharu semasa proses pendaftaran manakala yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan 1 iaitu tahap ketepatan maklumat dalam surat tawaran universiti berkaitan nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat.
- (iii) Jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak memuaskan) adalah kepada soalan 1 iaitu maklumat pada surat tawaran manakala jumlah yang terendah yang memberikan skala 1 adalah pada soalan 6 iaitu tahap kepercayaan pada kerahsiaan data maklumat pelajar baharu yang diserahkan kepada universiti semasa hari pendaftaran.
- (iv) Walau bagaimana pun, borang soal selidik tidak meminta maklumat lebih terperinci berkenaan faktor yang menyebabkan responden memberikan skala 1 pada soalan yang diajukan.

- (v) Jika dilihat kepada tren responden, seramai 65 responden telah memberikan skala 1 pada setiap soalan dalam borang soal selidik. Ini berkemungkinan responden betul-betul tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, sengaja memberikan skala 1 ataupun keliru berkenaan skala yang diberikan iaitu antara skala 1 (sangat tidak memuaskan) dan skala 5 (sangat memuaskan).

## 8.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Adalah dicadangkan pada kajian kepuasan pemegang taruh yang akan datang diwujudkan ruangan komen dan cadangan bagi memberi peluang kepada responden memberikan cadangan penambahbaikan atau maklum balas terhadap ketidakpuasan hati semasa proses pendaftaran pelajar baharu. Komen dan cadangan responden boleh dijadikan panduan untuk pihak Universiti dan urus setia membuat penambahbaikan kepada proses sedia ada.

## 9.0 CADANGAN PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2017

Pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2017 akan dilaksanakan secara dua (2) kategori, iaitu:

- (i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu) semasa sesi pendaftaran September 2017, berdasarkan strategi berikut :
  - (a) Soalan kajian yang bakal diajukan adalah berdasarkan tahap kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran pelajar baharu terhadap jenis perkhidmatan yang diterima daripada setiap peneraju/entiti yang menawarkan perkhidmatan.
  - (b) Respon pemegang taruh adalah berdasarkan tahap kepuasan mereka mengikut skala 1 hingga 5 (Skala Likert) yang telah ditetapkan.
  - (c) Kaedah pelaksanaan soal selidik adalah secara atas talian di mana 1 workstation soal selidik akan ditempatkan di setiap zon pendaftaran, iaitu:
    - Zon 1 - Dewan Kolej Canselor (K2, KTDI, KC, K5, K6, KOSASS)
    - Zon 2 - Dewan Putra 1, Kolej 13 (K13, KTP, KPZ)
    - Zon 3 - Dewan Putra 2, Kolej Serumpuan (KMR, K12, K14, K15, K16)
    - Zon 4 - Dewan Serbaguna, Kolej 11 (K10, K11)
    - Zon 5 - Bilik Bacaan, Blok A, Kolej 17 (K17)
    - Kolej Sri Rajang, UPM Kampus Bintulu

- (d) Semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah, pelajar akan menjawab soal selidik berkenaan selepas menyempurnakan urusan di kaunter yang berkaitan dengan skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISMS iaitu Kaunter Semakan dan Kaunter Kad Matrik di setiap zon pendaftaran.
  - (e) Pelaksanaan soal selidik ini akan dilaksanakan oleh Peneraju Proses ISMS yang terlibat iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi.
- (ii) Soal selidik kepada PTJ sebagai pentadbir proses aplikasi yang menerima perkhidmatan Pusat Data di UPM oleh Peneraju Pusat Data semasa sesi kemasukan September 2017, berdasarkan strategi seperti berikut:
- (a) Soal selidik perkhidmatan Pusat Data akan memajukan soalan kepada PTJ Pentadbir Proses Aplikasi yang di capai oleh pengguna daripada Pusat Data, berdasarkan tahap kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan pelanggan perkhidmatan Pusat Data.
  - (b) Respon pemegang taruh adalah berdasarkan tahap kepuasan mereka mengikut skala 1 hingga 5 (Skala Likert) yang telah ditetapkan.
  - (c) Pentadbir Proses Aplikasi (PTJ) akan menjawab soal selidik berkenaan berdasarkan tahap keselamatan maklumat yang diterima semasa aplikasi berkenaan diuruskan secara online melalui Pusat Data.
  - (d) Soal selidik ini akan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi sepenuhnya selaku peneraju skop pengurusan Pusat Data.

STATUS KAWALAN KETAKAKURAN
----------------------------

(Tandakan  pada ruangan yang berkaitan)

QMS     ISMS     EMS

Nota: Kawalan Ketakakuran - langkah-langkah untuk mengenalpasti, mengawal dan mengendalikan ketakakuran yang boleh atau berpotensi menyebabkan kelemahan dalam Sistem Pengurusan ISO

Bil	Kenyataan Ketakakuran	Kaedah Kawalan Ketakakuran	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	<p><u>Pendaftaran Pelajar Baharu</u> Masih terdapat beberapa kolej tidak mematuhi keperluan melaksanakan pengesahan pendaftaran dengan kad pengenalan pelajar ((Semakan sendiri semasa pendaftaran pelajar Asasi Sains Pertanian (1 Jun 2017) di kolej-kolej kediaman).</p> <p>Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar</p>	<p><u>Kaedah Kawalan:</u> Ambil tindakan terhadap kesan atau kesan yang mungkin timbul daripada sesuatu ketakakuran setelah produk/perkhidmatan tersebut disampaikan atau digunakan</p> <p><u>Tindakan yang akan dilaksanakan:</u> 1) Mengeluarkan surat peringatan kepada pengurusan kolej berkaitan keperluan untuk melaksanakan proses semakan pengesahan pendaftaran menggunakan kad pengenalan pelajar (Mykad).  Tindakan: Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar  2) Memberi penekanan kepada keperluan berkenaan semasa sesi taklimat keperluan ISMS sebelum sesi pendaftaran pelajar baharu  Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar</p>	<p>Sebelum kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018</p> <p>Sebelum kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018</p>	<p><input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Dalam Proses</p> <p>Catatan (jika ada):</p>